

02 APRIL 2018

Trend jual dadah dibungkus dalam paket minuman

Trend jual dadah dibungkus dalam paket minuman

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Trend pengedaran dadah kepada pengunjung di pusat hiburan di ibu kota kian membimbangkan apabila golongan belia sanggup menjadi ejen penghantaran bahan terlarang itu demi mendapat upah lumayan.

Penjualan dadah sintetik dalam bentuk serbuk yang dibungkus menggunakan pembalut pelbagai variasi minuman berperisa buah-buahan kini menjadi trend baharu pengedaran dan pengambilan dadah di pusat-pusat hiburan.

Sambutan terhadap dadah sintetik dibungkus dalam bentuk baharu itu amat mengalakkan kerana dadah tersebut su-

kar dikesan dengan mata kasar atau bau selepas dilarutkan dalam minuman.

Antara dadah sintetik yang banyak diedarkan di pusat-pusat hiburan dibungkus dalam bungkus minuman berperisa buah-buahan ialah syabu, ekstasi dan ketamin.

Salah satu sindiket pengedaran dadah itu berjaya dikesan dan dilumpuhkan oleh pihak polis ekoran penahanan tiga lelaki termasuk seorang remaja berusia 17 tahun dalam sebuah kedai di Jalan Cheras di sini semalam.

Ketiga-tiga lelaki itu berjaya ditangkap atas maklumat dan risikan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras yang me-



SEBAHAGIAN dadah yang rampas daripada tiga lelaki di Cheras semalam.

nahan sebuah kereta jenis Proton Wira dinaiki tiga lelaki pada pukul 12 tengah malam.

Satu sumber memberitahu, pemeriksaan dalam kereta itu menjumpai 32 paket dadah berisi serbuk ekstasi, lima paket dadah

jenis ketamin dan 150 biji pil ekstasi di tempat letak kaki penumpang hadapan kereta tersebut.

Kesemua dadah itu dibungkus dengan paket minuman berperisa buah lemon.

Kata sumber itu, keti-

ga-tiga suspek terbabit mengaku mereka menjadi ejen penghantaran dadah tersebut ke pusat-pusat hiburan di ibu negara demi mendapat upah sebanyak RM500 bagi setiap penghantaran.

"Berdasarkan siasatan, setiap satu paket dadah itu dibeli dengan harga RM80 hingga RM150 tetapi setiap paket sama akan dijual kepada pengunjung pusat hiburan dengan harga RM280 hingga RM400.

"Harga jualan dadah itu tidak menjadi masalah buat pengunjung pusat hiburan berikutan setiap satu paket dadah itu boleh dikongsi tiga individu dan kesan pengambilan dikatakan boleh bertahan dalam tempoh yang lama," katanya kepada *Kosmo!* ke-

tika dihubungi semalam.

Jelas sumber itu lagi, ketiga-tiga suspek mendakwa mereka memperoleh bekalan dadah tersebut daripada seorang lelaki di Klang, Selangor.

Katanya, ujian air kencing ke atas ketiga-tiga suspek itu mendapati dua daripada mereka termasuk remaja itu positif dadah jenis syabu.

Ketiga-tiga suspek termasuk remaja yang sudah tidak bersekolah itu kini ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji mengesahkan penangkapan dan rampasan dadah tersebut.